



HASiL

# KENYATAAN MEDIA

SIARAN SEGERA

HASiL/2023/11/24 - 75

## KAUNTER PERKHIDMATAN HASiL LOKALITI KLANG AKAN BEROPERASI DI LOKASI BAHARU MULAI 4 DISEMBER 2023

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa kaunter perkhidmatan HASiL meliputi Kaunter Setempat, Kaunter Duti Setem dan Kaunter Sumbangan Tunai Rahmah (STR) lokaliti Klang yang kini beroperasi di Tingkat 1, First Tower, Jalan Meru, 41050 Klang, Selangor akan beroperasi di lokasi baharu yang dikenali sebagai **Pejabat Satelit Klang** mulai **4 Disember 2023 (Isnin)**.

Pemindahan ini turut melibatkan pejabat Seksyen Pungutan lokaliti Klang dan pejabat Cawangan Guaman Lembah Klang bagi Subseksyen Undang-Undang (Klang).

Maklumat berkaitan **Pejabat Satelit Klang** adalah seperti berikut:

### ALAMAT PEJABAT SATELIT KLANG

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

#### Pejabat Satelit Klang

Prima Klang Avenue (Blok A)

Jalan Kota / KS 1

41000 Klang

Selangor.

No. Telefon: 03-3361 4633



@HASiLMalaysia



@HASiL\_Malaysia



@hasil\_malaysia

1/3



@HASiL\_Malaysia



@hasil\_malaysia

Waktu operasi kaunter-kaunter perkhidmatan HASiL tersebut adalah seperti berikut:

Kaunter	Isnin – Jumaat
Kaunter Setempat	8.00 pagi – 5.00 petang
Kaunter Duti Setem	8.00 pagi – 5.00 petang <i>*Penerimaan bayaran duti sehingga jam 12.00 tengah hari sahaja</i>
Kaunter STR	8.00 pagi – 5.00 petang

Para pelanggan digalakkan untuk membuat e-janji temu menerusi pautan pantas <https://ejanjitemu.hasil.gov.my/appointment/index> bagi urusan percukaian, Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dan Duti Setem.

Para pelanggan turut disarankan untuk menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah disediakan secara dalam talian melalui gerbang perkhidmatan Portal MyTax (<https://mytax.hasil.gov.my>) sebagai alternatif bagi sebarang urusan percukaian HASiL.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada kami melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

# # #

SEKIAN, TERIMA KASIH



**Dikeluarkan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 24 November 2023**



@HASiLMalaysia



@HASiL\_Malaysia



@hasil\_malaysia



@HASiL\_Malaysia



@hasil\_malaysia